



# MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

## **TEKS UCAPAN**

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

## **SEMPENA**

PERHIMPUNAN KORPORAT BANDARAYA

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**3 DISEMBER 2019 (SELASA)**  
**8.30 PAGI**

**TAPAK PERHIMPUNAN KORPORAT**

**MENARA BANDARAYA**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli Majlis- Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Puan Ir Hjh Rosnani Binti Mahmud**  
Setiausaha Bandaraya MPSP

**Ketua – Ketua Jabatan dan Penolong Pengarah**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**YBhg. Datin Hjh. Che Limah Binti Hj. Ujang**  
Pengerusi PUSPANITA MBSP

**En. Mohd. Tahir bin Othman**  
Pengerusi ANULAE Seberang Perai

**En. Mat Nasir bin Hassan**  
Naib Yang Dipertua PESUKA

**En. Mohamad Nizam bin Md Shariff**  
Yang Dipertua PERMAI

**Pn. Latifah binti Razali**  
Pengerusi KOSPEMA

**Jurubahasa Isyarat**

**Rakan - rakan Media**

**Seluruh Kakitangan MPSP**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

-----

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur saya kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmatnya, dapat kita berkumpul pada pagi yang indah ini bersama-sama dengan Ahli-Ahli Majlis, Puan Setiausaha Bandaraya, wakil-wakil persatuan, Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, kakitangan dan semua Wira Orange MBSP.

Pada tanggal 16 September 2019, Pulau Pinang menempah satu sejarah baru apabila Seberang Perai dinaik taraf menjadi bandar raya, seterusnya menjadikan Negeri Pulau Pinang satu-satunya *city state* di Malaysia dimana setiap inci tanahnya ditadbir oleh Bandar Raya. Kita harus berasa bangga kerana Seberang Perai adalah Bandar Raya terbesar di Malaysia, memiliki keunikan sebuah bandar raya yang didalamnya ada bandar dan desa, menjadi tempat hidupan spesis bakau jenis api-api yang tiada ditempat lain di Malaysia melainkan di kawasan paya bakau Kuala Muda, menjadi tempat persinggahan migratory birds, tempat tinggal 150 jenis spesis burung termasuk 38 spesis yang terancam yang tidak tinggal ditempat lain melainkan di Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam, memiliki wira orange yang sanggup mengharung lautan keperitan kerja-kerja 3D ( *Dirty, Difficult, Dangerous* ), berhujan, berpanas, dalam keadaan ribut dan taufan untuk memberi keselesaan kepada Warga Seberang Perai.

Kita harus merasa bangga kerana mempunyai warga kerja dan komuniti yang inklusif, responsif dan kreatif yang membolehkan Seberang Perai merangkul (12) anugerah sepanjang tahun 2019, pemegang enam (6) *Malaysia Book Of Records*, melaksanakan 7 persijilan pengurusan serentak mengikut standard ISO, mencapai kadar kitar semula 47.16% yang tertinggi di Malaysia. Seberang Perai sebuah bandar raya yang ada didalamnya bandar dan desa, bangun dipersada antarabangsa berkongsi amalan baik, menerima cabaran membentang kertas kerja-kertas kerja, menjadi rujukan bandar raya-bandar raya didunia dan menduduki jawatan kuasa pengurusan badan-badan antarabangsa seperti *Excutive Committee WeGO* dan *ICLEI Southeast Asia Regional Executive Committtee (REXCOM) 2018-2021*.

Pencapaian besar ini bukanlah kebetulan tetapi hasil daripada perancangan yang rapi diikuti dengan tindakan yang jitu kemudiannya mendapat restu Allah SWT Tuhan yang Maha Esa. Justeru itu marilah kita teruskan momentum ini, tidak boleh ditangguh atau dilengahkan, memandangkan kita mempunyai visi yang lebih besar untuk dicapai iaitu untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang Tahun 2022.

## Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Tahun 2020 menanti dengan penuh cabaran

- i. Pembersihan premis makanan dan pembersihan am masih menjadi focus utama selepas empat setengah (4 ½) dekat kewujudan perbandaran. Kehadiran warga asing yang ramai serta segelintir warga tempatan yang tidak bertanggung jawab membuang sampah dimerata tempat telah menyebabkan setengah kawasan menjadi kotor. Marilah kita membuka lambaran baru bandar raya dengan menjenamakan semula sistem pembersihan. MBSP haruslah memperbanyakkan program *Community Engagement* bersama pengusaha kilang untuk menangani isu ini. MBSP haruslah bersungguh-sungguh mempergiatkan pengasingan dipunca, mengurangkan penjanaaan sampah sebanyak 50% dari 1.6 kg seorang sehari kepada 0.8kg seorang sehari dan meningkatkan kitar semula ketahap 70% pada tahun 2022.
  
- ii. Pembuangan sampah haram juga merupakan cabaran yang besar kerana Seberang Perai adalah merupakan PBT terbesar di Malaysia dengan keluasan 738sq km. MBSP telah menggunakan berbagai pendekatan dalam pemantauan

sehingga berjaya menurunkan pembuangan sampah haram iaitu pada tahun 2014- 118 kes, 2015-72 kes, 2016/2017- 60 kes, 2018 - 48 kes, dan 2019 - 48 kes.

- iii. Kesesakan lalulintas semasa waktu puncak. Terdapat 44 lokasi *hot spot* semasa waktu puncak disebabkan pengguna berulang alik ke tempat kerja. MBSP telah memperkenalkan sistem *green wave* di tiga lokasi iaitu di Jalan Bukit Tambun, Jalan Bukit Minyak dan Jalan Bukit Nanas supaya pemandu mendapat hijau di beberapa persimpangan tanpa henti. Penggunaan teknologi IoT di 100 Lampu Isyarat untuk meningkatkan kecekapan penyelenggaraan, mengurangkan *down time* dan pengurangan kos.
  
- iv. Banjir kilat -Seberang Perai berada dibawah paras laut, oleh itu banjir kilat akan sentiasa berlaku apabila hujan lebat bertembung dengan paras air laut pasang melebihi dua meter. Penggunaan teknologi IoT dalam komponen pembangunan bandar pintar boleh memberi amaran awal mengenai peningkatan paras air di longkang-longkang utama, parit monsoon dan 20 rumah pam. MBSP juga telah memperkenalkan Sistem SPARK (Sistem Amaran Paras Air Kawalan Banjir) untuk mengoptimalkan penggunaan tenaga

kerja di rumah pam kawalan banjir. Sistem ini berfungsi apabila terdapat perbezaan paras air samada menaik atau menurun dalam sela masa tertentu. Sistem ini akan menghantar maklumat paras ketinggian air melalui kaedah Sistem Pesanan Ringkas (SMS) kepada pegawai MBSP di lapangan.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

Pengurusan MBSP berusaha mengurus perubahan melalui pengurusan stress. Fit Staff MBSP akan diperkenalkan pada Januari 2020. Program senaman ringan ini melibatkan semua pegawai dan kakitangan selama 20 minit pada setiap hari kecuali hari jumaat minggu ke dua dan ke empat untuk memberi peluang kakitangan mengikuti program senam sihat yang telah pun dilaksanakan semenjak awal tahun 2019. Buat permulaan, program ini melibatkan semua pegawai dan kakitangan yang bertugas di Menara Bandaraya MBSP, Bandar Perda sahaja.

MBSP menggunakan tenaga pengajar dalaman bagi melaksanakan program Fit Staff ini melalui *Train Of Trainers* dimana setiap jabatan perlu mengemukakan 2 orang kakitangan sebagai jurulatih sebelum program ini bermula sepenuhnya pada Januari 2020. Jurulatih utama akan menggunakan pembesar suara di bilik kawalan dan pada masa yang sama Jurulatih Di Jabatan akan membuat penyeragaman pergerakan bersama

pegawai dan kakitangan di jabatan di setiap tingkat dalam Menara Bandaraya.

Jurulatih di setiap jabatan akan di berikan latihan sebelum bermulanya program pada Januari 2020. Program ini memerlukan komitmen dan kerjasama daripada semua pegawai dan kakitangan yang berada dalam bangunan Menara Bandaraya MBSP. Program ini adalah merupakan komitmen MBSP ke arah melahirkan pegawai dan kakitangan yang lebih sihat, aktif dan bersemangat. Justeru, saya mohon semua kakitangan MBSP supaya memandang serius usaha ini untuk kebaikan kita bersama.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

MBSP mengambil langkah proaktif dengan menghasilkan **Hala Tuju Strategik Seberang Perai yang Mampan dan Lestari bagi Jangka Pendek, Jangka Sederhana dan Jangka Panjang** yang merupakan titik tolak ke arah kecemerlangan sosial, baik dari segi kebersihan, pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial serta kelestarian alam sekitar.

Perancangan dan Keutamaan tanpa budget adalah angan-angan kosong, oleh itu MBSP menzahirkan kesungguhan komitmentnya melalui budget pertama “***Seberang Perai Green Budget 2020***”. Terdapat **lapan (8) keutamaan teras *Seberang Perai Green Budget 2020*** yang akan



dilaksanakan pada tahun 2020 iaitu Kebersihan dan Kehijauan RM113.58 juta; Ruangan Hijau dan Penyelenggaraan Tempat Awam RM10.8 juta; Pengangkutan dan Koridor Hijau RM9.24 juta; Penggunaan Tenaga yang Mampan RM28.89 juta; Memastikan Kemampuan Pemilikan Rumah Kediaman bagi Meningkatkan Kualiti Hidup RM4.06 juta; Ketahanan Perubahan Iklim RM13.64 juta; Kesejahteraan Kakitangan RM6.71 juta; dan Pembaharuan Institusi RM6.28 juta.

Tidak dilupakan, saya ingin memohon maaf kepada rakyat Seberang Perai kerana terpaksa menaikkan cukai taksiran selepas 15 tahun berusaha mengekalkan kadar taksiran sedia ada. Semakan senarai nilai ini sudah tidak dapat dielakkan lagi bagi memastikan penyampaian perkhidmatan dipertingkatkan, merancang pertumbuhan ekonomi setempat dan menambahbaik kualiti kehidupan rakyat Seberang Perai.

Marilah kita bersama-sama melayari Tahun 2020 dengan meningkatkan permuafakatan rakyat bersama Bandar raya bagi mencapai ***“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”*** atau ***“Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow”***. ***Selamat Menyambut Perayaan Hari Krismas kepada semua Ahli Majlis dan kakitangan MBSP yang menganut agama Kristian dan Selamat Menyambut Tahun Baru 2020 buat semua.***

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum**

**Warahmatullahi Wabarakatuh.**